

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-187

MPS Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-187 bertarikh 27 Ogos 2018 telah memutuskan perkara berikut:

Aplikasi Kontrak *Musyarakah* bagi Mengurus Beban Perbelanjaan Pengendali Takaful

Keputusan

MPS memutuskan bahawa pengaplikasian kontrak *musyarakah* antara pengendali takaful dan pengendali takaful semula bagi mengurus beban perbelanjaan pengendali takaful berikutan pelaksanaan keperluan 'Kadar Peruntukan Minimum' dibenarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Modal *musyarakah* terutamanya yang berbentuk wang tidak boleh dianggap sebagai fi *wakalah* pendahuluan (*upfront wakalah fee*) kerana ia tidak selari dengan ciri-ciri kontrak *musyarakah*;
- ii. Modal *musyarakah* hendaklah diasingkan (*ring-fenced*) dan tidak bercampur dengan modal lain dalam dana pemegang saham dan dana-dana lain terutamanya dana *tabarru'*;
- iii. Penentuan keuntungan dan kerugian *musyarakah* mestilah menggambarkan keuntungan dan kerugian sebenar bagi portfolio tertentu, yang perlu diasingkan (*ring-fenced*) daripada portfolio-portfolio yang lain; dan
- iv. Modal *musyarakah* yang berbentuk bukan kewangan (sekiranya ada) hendaklah dinilai berdasarkan nilai wang ketika pemeteraian kontrak *musyarakah*.


Latar Belakang

- Terdapat cadangan oleh pengendali takaful untuk memeterai kontrak *musyarakah* dengan pengendali takaful semula bagi membolehkan pengendali takaful mengurus beban perbelanjaan (*expense strain*) berkaitan perniagaan baharu takaful dengan lebih efektif.
- Pengaturan ini merupakan salah satu strategi bagi mengurus tekanan ke atas dana pemegang saham pengendali takaful, berikutan keperluan 'Kadar Peruntukan Minimum' (*Minimum Allocation Rate, MAR*)¹ yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Keperluan MAR menetapkan kadar peruntukan minimum sumbangan peserta takaful yang perlu dikekalkan dalam dana unit bagi produk berkaitan pelaburan (*investment-linked product*).
- Kedua-dua pengendali takaful dan takaful semula akan memasuki kontrak *musyarakah* bagi menanggung perbelanjaan portfolio tertentu secara bersama dalam tempoh waktu tertentu.

Isu Syariah

- Adakah struktur *musyarakah* yang dicadangkan patuh Syariah?

Ilustrasi struktur *musyarakah* antara pengendali takaful dan pengendali takaful semula



¹ Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (*Life Insurance and Family Takaful Framework*), diterbitkan pada 23 November 2015.

Isu Utama Perbincangan MPS

Kaedah pengiraan dan pembahagian keuntungan dan kerugian bagi musyarakah

- Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan nilai yang melebihi modal *musyarakah*. Keuntungan dan kerugian kontrak *musyarakah* akan ditentukan berdasarkan pengagihan lebihan dan defisit bagi portfolio di bawah *musyarakah*.
- Sumber keuntungan bagi *musyarakah* adalah hasil daripada aliran tunai bersih berdasarkan pengiraan seperti berikut:
 - ❖ Aliran tunai bersih = [Fi *wakalah* + caj sijil + lebihan dana *tabarru`*] tolak (-) [Komisen untuk ejen + perbelanjaan pengurusan]
- Pembahagian keuntungan dan kerugian bagi rakan-rakan kongsi dalam *musyarakah* adalah berkadaran (*proportionate*) dengan sumbangan modal masing-masing.

Justikasi pengagihan keuntungan kepada pihak pengendali takaful semula (salah satu rakan kongsi)

- Pengendali takaful semula berhak untuk menerima keuntungan atas dasar sumbangan modal (harta) yang diberikan meskipun pengendali takaful semula tidak terlibat secara aktif dalam perniagaan takaful bagi portfolio di bawah *musyarakah*.

Kaedah pengasingan portfolio takaful di bawah musyarakah

- Portfolio takaful di bawah *musyarakah* akan diletakkan dalam dana *tabarru`* yang diuruskan secara berasingan daripada dana *tabarru`* bagi portfolio-portfolio takaful yang lain.
- Portfolio takaful di bawah *musyarakah* akan diasingkan (*ring-fenced*) secara sepenuhnya dan direkodkan secara berasingan daripada perspektif perakaunan. Dalam hal ini, tiada percampuran dan subsidi bersilang antara dana *tabarru`* di bawah *musyarakah* dengan dana-dana *tabarru`* yang lain.

Pelaksanaan qard apabila dana tabarru` di bawah musyarakah mengalami defisit

- Obligasi untuk memberikan *qard* kepada dana *tabarru`* sekiranya berlaku defisit masih di bawah tanggungjawab pengendali takaful, selaras dengan 'Garis Panduan Rangka Kerja Operasi Takaful' yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- Di samping itu, pihak pengendali takaful semula juga boleh bersetuju untuk memberikan *qard* kepada dana *tabarru`* berdasarkan terma perjanjian *musyarakah*. Pemberian *qard* ini tidak dianggap sebagai suntikan modal tambahan *musyarakah*.

Keharusan pihak pengendali takaful (sebagai wakil) memeterai kontrak musyarakah dengan pengendali takaful semula walaupun tanpa keizinan khusus daripada peserta takaful (sebagai muwakkil)

- MPS berpandangan bahawa tiada halangan Syarak bagi pengendali takaful memeterai kontrak *musyarakah* dengan pengendali takaful semula walaupun tanpa keizinan khusus daripada peserta takaful.
- Ini adalah kerana kontrak *musyarakah* tersebut bukanlah dimeterai untuk memindahkan mandat *wakalah* (antara pengendali takaful dan peserta takaful) kepada pengendali takaful semula, tetapi merupakan kontrak yang berasingan bagi mendapatkan modal/ dana daripada pengendali takaful semula.

Kemungkinan modal musyarakah daripada pengendali takaful semula dianggap sebagai fi wakalah

- Terdapat cadangan daripada pengendali takaful supaya modal *musyarakah* yang disalurkan oleh pengendali takaful semula dianggap sebagai *fi wakalah* pendahuluan bagi menyelaraskan pelayanan dari sudut perakaunan.
- MPS berpandangan bahawa modal *musyarakah* yang disalurkan oleh pengendali takaful semula tidak

boleh dianggap sebagai fi *wakalah*. Ini kerana, kontrak *wakalah* hanya berlaku antara peserta takaful dan pengendali takaful. Manakala pengendali takaful semula dalam struktur cadangan *musyarakah* ini adalah rakan kongsi di bawah kontrak *musyarakah* dan bukannya *muwakkil* (prinsipal).

- MPS juga berpandangan bahawa dana modal *musyarakah* hendaklah diasingkan (*ring-fenced*) dan tidak bercampur dengan dana-dana lain terutamanya dana *tabarru`*. Ia bertujuan memberi lebih kejelasan terhadap fungsi dan obligasi atau tanggungjawab bagi setiap dana.

Asas Pertimbangan

- Tiada halangan Syarak dalam struktur model *musyarakah* yang dicadangkan. Ia juga selari dengan keperluan-keperluan Syariah khususnya dalam Dokumen Polisi *Musyarakah* dan Dokumen Polisi *Wakalah*.
- Kaedah perkongsian keuntungan dan kerugian yang dicadangkan juga selari dengan prinsip Syariah dalam kontrak *musyarakah* seperti berikut:

الربح على ما شرطاً والوضيعة على قدر المالين

“Keuntungan (*musyarakah*) adalah berdasarkan apa yang disyaratkan oleh kedua-dua pihak berkontrak dan kerugian adalah berdasarkan sumbangan modal masing-masing”²

- Pengasingan dana modal *musyarakah* daripada dana-dana lain terutamanya dana *tabarru`*; dan pengasingan portfolio takaful di bawah *musyarakah* daripada portfolio-portfolio yang lain adalah bertujuan memberi lebih kejelasan terhadap fungsi dan obligasi atau tanggungjawab bagi setiap dana/portfolio.

Implikasi Keputusan MPS

- Struktur *musyarakah* yang dicadangkan ini boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah yang dibenarkan Syarak untuk mengurus beban perbelanjaan pengendali takaful yang tidak boleh ditangani melalui kontrak takaful semula yang sedia ada; dan dalam masa yang sama dapat mencapai objektif dasar MAR.

Keputusan ini berkuatkuasa serta-merta. Walau bagaimanapun, institusi berkaitan yang mengaplikasikan konsep ini perlu mematuhi polisi BNM.

² Ibnu Nujaym, *Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq*, Dar al-Kitab al-Islami, j. 5, h. 188.